

live the difference

JILID 3, 2015
KDN NO: PP 15838/07/2012 (030848)





KANDUNGAN

04 KISAH BERTEMA

Masa Untuk Bersyukur Dan Bermaafan

06 INDIVIDU

Sikap Bersyukur Dan Menghargai

08 PRODUK

PENJAGAAN KULIT:

Tips Hebat Untuk Wajah Sempurna!

PENJAGAAN KESIHATAN:

Menjamu Selera Secara Sihat Di Raya Ini!

12 BUDAYA

Kasih. Sayang. Ketulusan.

14 PELUANG

Snapshots

Nu Skin (Malaysia) Sdn Bhd (4022787-V)
License No. AII 931584
Lot 01-05, Level 1, PNB Darby Park Retail
10 Jalan Binjai, 50450 Kuala Lumpur
Tel: 603 2170 7888 Fax: 603 2170 7999
www.nuskin.com.my



نوسکین فارما نکس (ب) سdn بhd
NuSkin Pharnex (B) Sdn Bhd
D2, Blk D, Lot 11620, Jalan Gadong
Bandar Seri Begawan BE1718
Brunei Darussalam
Tel: 673 2 422 225 Fax: 673 2 422 226
www.nuskin.com.bn

MASA UNTUK BERSYUKUR & BERMAAFAN

Bulan Ramadhan di mana seluruh umat Islam berpuasa sudah hampir ke penghujungnya. Perhiasan indah berwarna-warni sudah mula dipasang untuk menyambut kedatangan Syawal. Rakan-rakan Muslim di seluruh negara sedang bersiap sedia untuk pulang ke kampung halaman, bertemu keluarga dan mengunjungi anak saudara. Walaupun ramai yang sudah tidak sabar untuk bercuti panjang, janganlah kita lupa akan makna sebenar dan tujuan perayaan ini disambut.

Dikenali sebagai "Raya" di Malaysia atau secara globalnya disebut "Eid", merupakan hari yang diraikan, saling membantu dan menyemarakkan kegembiraan ke seluruh dunia. Ianya juga adalah hari meraikan kesyukuran setelah sebulan berpuasa dan masa untuk bermaafan. Hari di mana kesilapan lalu dilupakan dan peluang untuk membuka lembaran baru tanpa ada rasa dendam.

Kesyukuran dan kemaafan adalah dua perkara penting di dalam kehidupan para Pemimpin Jualan Nu Skin. Amalan bersyukur bukan hanya sekadar kata-kata – ianya merupakan gaya hidup dan ketetapan minda yang mampu mengubah kehidupan. 5 Million Dollar Circle, 3 Year Team Elite Platinum & 5 Year Team Elite, Nicholas Yeo dan Gan Kok Hong, pernah menyebut, "Jika kita berterusan bersikap angkuh, walau berapa banyak wang yang kita perolehi dan setinggi manapun kejayaan dikecapi, kita tidak akan rasa bahagia. Kebolehan untuk bersyukur telah memberikan impak yang besar terhadap kehidupan kami kerana ia dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan kami."

Namun begitu, perayaan tahunan sebegini yang dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan tidak patut kita abaikan. Berkumpul bersama keluarga dan rakan taulan merupakan rutin utama selain daripada mengenakan baju baru, dan memberikan senyuman manis. Saat-saat manis pasti dirakamkan, gambar-gambar profil ber "selfie" dan ber "wefie" sudah tentu memenuhi laman sosial Facebook. Tetapi adakah anda sudah benar-benar bersedia untuk memuatnaik foto wajah "terkini" anda?

Manjakan diri anda dengan produk perawatan mudah guna ageLOC® Galvanic Spa Sistem. Menyerlahkan penampilan anda dalam masa 5 minit, agar keremajaan anda dikembalikan dan penampilan lebih berseri sebelum butang flash ditekan!

Selain wajah yang cantik, mempunyai bentuk badan yang sihat adalah penting untuk "selfie" yang bagus juga! Tapi, agak sukar untuk menepis keinginan untuk menikmati juadah enak yang dihidangkan ketika musim perayaan. Kini anda tidak perlu risau lagi! Dengan ageLOC® TR90™ Sistem, juadah lazat di sepanjang musim perayaan bukan menjadi halangan untuk mengekalkan tubuh yang sihat dan langsing.

Hari Raya tidak lengkap tanpa berbuat amal dan cuba mengubah kehidupan insan lain – inilah tujuan sebenar perayaan ini disambut. Untuk menjadikan raya ini lebih bermakna, anda boleh membuat pilihan untuk berbakti semula kepada masyarakat agar kehidupan mereka lebih membahagiakan. Jadi, sama-sama kita memeriahkan suasana perayaan dengan memberikan yang terbaik buat diri sendiri, yang tersayang dan juga mereka yang anda raikan!

Selamat Hari Raya Maaf Zahir dan Batin.



SIKAP BERSYUKUR dan MENGHARGAI

Musim cuti Hari Raya menjelang tiba. Kemeriahannya mula terasa di sana sini, kaum keluarga, anak saudara dan rakan taulan mula berkumpul bagi meraikan perayaan penuh gilang gemilang ini!



Bagi 5 Million Dollar Circle, 3 Year Team Elite Platinum & 5 Year Team Elite, Nicholas Yeo dan Gan Kok Hong, memori indah suasana Hari Raya ketika kecil dahulu sentiasa kekal terpahat di sanubari. Kok Hong masih teringat bagaimana beliau amat seronok berkunjung ke rumah-rumah terbuka bersama ibu dan bapanya, manakala Nicholas pula sentiasa teruja dengan pelbagai juadah enak di pasar Ramadhan semasa bulan puasa.

Namun begitu, di samping menjamu selera dan budaya kunjung mengunjungi, Hari Raya adalah masa untuk memohon keampunan, bermaafan dan memperbaiki hubungan sesama keluarga jauh dan dekat. Yang paling penting adalah memanjangkan kesyukuran dan berterimakasih di atas segala nikmat yang telah diberikan.

Bagi Nicholas dan Kok Hong pula, selain daripada kerja keras dan kesungguhan yang menempatkan di mana mereka berada sekarang, sikap bersyukur juga memainkan peranan yang besar dalam menentukan kejayaan mereka. "Salah satu daripada perubahan ketara yang berlaku kepada kami adalah sikap sentiasa bersyukur dan menghargai segala nikmat yang diperolehi. Sikap berterimakasih ini menjadikan kami lebih bahagia dan lebih cekal dalam mengharungi kehidupan," ujar Kok Hong.

Sebelum menyertai Nu Skin, kedua-dua mereka merasakan bahawa sikap bersyukur dan menghargai perkara di sekeliling adalah tidak penting. Namun, setelah bekerja di Nu Skin, pasangan hebat ini belajar untuk menghargai perkara-perkara kecil yang memberi makna di dalam kehidupan. Berada di mana mereka sekarang, setinggi-tinggi penghargaan wajar diberikan kepada 20 Million Dollar Circle, 4 Year Team Elite Platinum & 14 Year Team

Elite, Angela Liew dan Rayne Ho, yang telah banyak mengajar mereka tentang kepentingan bersyukur dengan cara mengalihkan fokus dari kekurangan dalam diri kepada perkara yang berlebihan yang terdapat di dalam kehidupan mereka. "Jika saya berterusan bersikap angkuh dan pentingkan diri, walau banyak mana wang atau kejayaan yang dikecapi, saya tetap tidak merasakan bahagia. Bersikap bersyukur dan tahu menghargai telah mengubah nilai kehidupan kami sekeluarga. Dan oleh sebab itu, kini saya adalah seorang anak, ayah, suami dan juga rakan yang lebih baik," jelas Nicholas lagi.

Bak kata pepatah Inggeris 'Perbuatan Bercakap Lebih Kuat Dari Perkataan'. Rasa berterimakasih dan menunjukkan sikap bersyukur adalah dua perkara berbeza. "Bagi kami, setiap hari merupakan Hari Ibubapa. Tanpa kasih sayang dan tunjuk ajar mereka, kami tidak mungkin berada di kedudukan ini sekarang," kongsi Pemimpin ini lagi merendah diri. Kerana itulah Nicholas dan Kok Hong tidak pernah lupa untuk membawa ibubapa mereka ke semua Destinati-

Insentif Nu Skin mengelilingi dunia, sebagai membalsas budi dan jasa selagi ada hayat mereka.

Sebagai ibu dan bapa yang tahu akan kepentingan bersyukur, Nicholas cuba mendidik dan menerapkan nilai murni ini agar dijadikan amalan buat anak lelakinya. Nicholas masih lagi ingat bilamana anaknya menulis karangan bertajuk 'Ayah Saya', "Dalam banyak perkara yang ditulis berkenaan diri saya, dia turut menulis tentang betapa pentingnya mengamalkan sikap bersyukur seperti yang telah saya ajarkan. Sungguh saya tidak sangka dia tetap ingat pesanan saya itu," ujarnya lagi dengan penuh bangga.

Bersyukur bermaksud menghargai segala nikmat yang diberikan di dalam hidup kita—di setiap hari, dan bukan hanya semasa sempena Raya. Apabila sudah mendidik diri untuk berterimakasih, anda akan mula menghargai setiap nikmat dan perkara-perkara yang selama ini diambil mudah. Jadi, mulakanlah menghargai segala kebaikan, keindahan, dan kasih sayang di sekeliling anda dan jadikan ianya suatu komitmen sepanjang hayat untuk mengamalkan sikap sentiasa bersyukur!



TIPS HEBAT UNTUK WAJAH SEMPURNA!

Kemeriah suasan dan perhiasan berwarna-warni di sana sini, lampu indah berkerlipan, ramai yang sibuk ke sana dan ke mari membeli belah, juga aroma enak juadah Melayu di sekeliling kita. Ya! Setahun hanya sekali ia menjelma – Raya sudah bermula!

Kemestian suatu di mana kaum keluarga dan rakan-rakan akan berkumpul untuk merayakan hari yang gilang gemilang ini! Dengan pakaian serba baru, senyuman manis terukir di bibir, inilah masa yang paling sesuai untuk bergambar ‘Selfie’ atau ‘Wefie’ Raya bagi mengabadikan kenangan terindah bersama keluarga tersayang dan rakan-rakan!

Senang, mudah digunakan dan mudah alih, **ageLOC® Galvanic Spa Sistem** memaparkan arus selia-sendiri berpaten dan konduktor saling bertukar untuk kegunaan di wajah. Didatangkan bersama rangkaian produk perawatan Nu Skin yang dirumus khas, seperti **ageLOC® Galvanic Spa Facial Gels** yang kaya dengan bahan-bahan **ageLOC®**, anda kini boleh membersih dan menyegarkan kulit melalui 5 langkah mudah seperti berikut.:




• Basuh muka dengan Nu Skin
membersih muka pilihan anda.

- Sapukan keseluruhan tiub **ageLOC® Galvanic Pre-Treatment Gel** pada seluruh wajah dan leher. (*Elaikan kawasan bibir dan mata*)
- Tekan bebutang pada mesin spa kepada nombor 1
- Pergerakan bermula dari dagu menaik hingga ke pipi.
- Kembali ke hidung, geserkan menaik ke arah dahi.
- Geserkan ke bawah dari dahi ke garis leher.
- Ulang sehingga masa tamat.
- Bilas dengan air sehingga bersih.

- Sapukan keseluruhan tiub **ageLOC® Galvanic Pre-Treatment Gel** pada seluruh wajah dan leher. (*Elaikan kawasan bibir dan mata*)
- Geserkan ke bawah dari dahi ke garis leher.
- Ulang sehingga masa tamat.
- Sapukan produk perawatan dan pelembab Nu Skin pilihan anda.
- Tekan bebutang pada mesin spa kepada nombor 2
- Ikti langkah 3

Anda berasa sedikit tembam dan menggeleber semasa cuti perayaan Raya? Anda hanya perlukan 10 minit dan lemak serta selulit tidak lagi jelas kelihatan, menjadikan anda lebih langsing, bentuk badan lebih menawan!

Sistem perawatan spa anti-penuaan Nu Skin yang senang lakukan di rumah -- **ageLOC® Galvanic Body Spa** direka secara ergonomik agar lebih mudah digunakan bersama **ageLOC® Body Shaping Gel** semasa menjalani perawatan tubuh. **ageLOC® Galvanic Body Spa** yang bercirikan teknologi denyutan arus mensasarkan bahagian tubuh secara efektif. Dengan 3 langkah mudah, anda akan memperolehi kulit yang lebih halus, tubuh lebih langsing dan mantap.



Raya ini, mengikuti kesemua langkah mudah menggunakan **ageLOC® Galvanic Face Spa** dan **ageLOC® Galvanic Body Spa** yang hanya mengambil masa 5 hingga 10 minit, sehingga 3 kali seminggu, anda akan memperolehi kulit wajah yang mulus, tampak muda dan berseri-seri walaupun sebelum menekan butang flash!



MENJAMU SELERA SECARA SIHAT DI HARI RAYA INI!

Beg baju telah siap dikemas dan tiba-tah masa untuk pulang ke kampung! Akhirnya, setelah sebulan berpuasa, anda akan pulang ke kampung halaman untuk menikmati hidangan enak masakan sempena Raya!

Sedia terhidang di meja makan, pelbagai juadah seperti rendang, ketupat, sate ayam dan kuih muih menanti untuk dinikmati. Tak dilupakan aroma nasi lemak yang mengasyikkan dan juga kari! Bagaimanakah kita mampu menolak nikmat sebegini?

Secara jujurnya, adalah agak mustahil untuk mengekalkan rutin pemakanan sihat apabila tiba musim perayaan, yang sentiasa dipenuhi dengan aktiviti menziarah kaum keluarga dan dihidangkan dengan pelbagai juadah yang lazat. Jadi, terimalah hakikat bahawa bulan Syawal adalah masa di mana ramai yang mula menyesal kerana terlajak melayan nafsu menjamu selera sempena Raya.

Rakyat Malaysia secara umumnya gemar makan makanan yang tinggi kandungan gula, garam dan lemak. Bersempena dengan musim perayaan, juadah enak sememangnya merupakan cabaran utama bagi mereka yang sedang mencuba untuk makan secara sihat dan mengurangkan berat badan. Bagi membantu mengurangkan kekesalan selepas bulan Syawal, anda bolehlah meningkatkan rutin senaman harian ataupun mengurangkan porsi makanan anda. Walau bagaimanapun, dengan menggabungkan kesemua usaha gigih tersebut dengan **ageLOC® TR90™ Sistem**, bukan hanya anda akan mencapai kehilangan berat badan, malahan anda juga akan belajar bagaimana untuk hidup lebih sihat!



ageLOC® TR90™ Sistem adalah suatu program pengurusan berat badan yang berkesan membantu anda kelihatan lebih langsing dan sihat dalam masa 90 hari. Program hebat yang komprehensif ini mengandungi pelan pemakanan mudah, tips gaya hidup, minuman protein shake yang mudah disediakan, dan pemakanan suplemen bagi menggalakkan metabolisme sihat yang

membantu meningkatkan keupayaan tubuh untuk membakar lemak. Ianya juga menyokong otot tanpa lemak di samping mewujudkan emosi dan minda yang positif.

Selain daripada pemakanan suplemen, jangan lupa tentang amalan pemakanan seimbang dan juga senaman!


PELAN PEMAKANAN 3-3-3-3

MAKAN APA ANDA MAHU – Tapi Cuma Beberapa Suapan!

Dengan menggabungkan keseimbangan di antara “makanan pembakaran”, “makanan penyimpanan” dan “makanan pelindung”, pelan pemakanan ini memberi fokus kepada membantu anda makan secara sihat dan seimbang!

3 X
MAKANAN
PELINDUNGAN
Cth: buah-buahan dan
sayur-sayuran

3 X
MAKANAN
PENYIMPANAN
Cth: nasi, mee, roti dan
lain-lain.



3 X
MAKANAN
PEMBAKARAN
Protein dari sumber bukan
daging

3 X
MAKANAN
PEMBAKARAN
Protein dari sumber daging

GAYA HIDUP AKTIF 3-3-3-3

TINGKATKAN RUTIN SENAMAN HARIAN ANDA!

Jadilah aktif dan bergembira! Cuba tingkatkan jangkamasa senaman anda kerana ini akan membantu membakar lemak dan meningkatkan metabolisme, menjadikan anda lebih langsing dan sihat!

CADANGAN PRINSIP SENAMAN 3-3-3-3:

3 kali / seminggu

Sekurang-kurangnya **30** minit setiap kali

130 degupan jantung / minit*

Selama **3** bulan / **90** hari



*Tidak sesuai untuk individu yang berpenyakit jantung.

Semua orang berhak untuk menikmati juadah enak ketika perayaan! Hanya di waktu sebeginilah, kita dihidangkan dengan pelbagai makanan yang sedap seperti rendang tok, ketupat dan kuih muih tradisi, yang amat mengujakan dan sering menyebabkan kita terlebih makan. Namun begitu, in tidak bermakna anda tidak boleh kekal sihat dan cergas semasa musim perayaan! Dengan ageLOC® TR90™ Sistem, program pengurusan berat menakjubkan ini boleh membantu anda mengatasi dugaan dan kekal langsing pada musim perayaan!



KASIH. SAYANG. KETULUSAN.

Rata-rata maklumbalas yang diterima dari pelancong asing tentang Malaysia adalah bagaimana kagumnya mereka terhadap budaya berbilang kaum dan kemahiran linguistik yang kita miliki –suatu ciri tersendiri yang sering kita banggakan.

Melalui amalan silang-budaya yang terdapat di negara ini, kita seharusnya bersyukur kerana dapat meraikan pelbagai perayaan dan sambutan keraian, yang setiap satunya memiliki keunikan tersendiri. Raya, juga disebut sebagai "Eid" di tempat-tempat lain di dunia, adalah satu-satunya perayaan yang mempamerkan "Kasih. Sayang. Ketulusan." semasa meraikannya.

Rakan-rakan Muslim memulakannya dengan memohon keampunan dan kemaafan, memperbaharui hubungan dan berdamai, agar perhubungan terjalin penuh kemesraan. Berbuat baik, mendoakan kesejahteraan yang lain serta memberi semula kepada yang memerlukan turut diamalkan semasa perayaan tersebut.

Di Nu Skin, kami berterusan menegakkan misi syarikat bagi menjadi daya untuk kebaikan di serata dunia, dengan memperkasakan insan untuk mengubah kehidupan sejagat di sepanjang tahun.

KEMPEN DERMA DARAH KE-12 NU SKIN

Bertahun lamanya Nu Skin telah terlibat di dalam pelbagai inisiatif yang memberikan kesan berpanjangan kepada ramai insan lain. Pada tahun ini, Nu Skin telah menganjurkan satu Kempen Derma Darah - "Be A Hero Today". Bukan semua hero perlu berjubah merah, namun setiap penderma layak digelar sebagai HERO!


HEROES yang berada di kalangan kita semua sebagai Pemimpin Jualan, Distributor dan staf Nu Skin memainkan peranan sebagai contoh budaya Force For Good dengan mengambil bahagian di dalam Kempen Derma Darah Ke-12 Nu Skin. Bersama-sama atas sokongan semua, Nu Skin berjaya membantu menyelamatkan 219 NYAWA hasil kutipan darah yang didermakan!



NU SKIN FORCE FOR GOOD DAY

Bersempena dengan Force For Good Day Ke-12 Nu Skin , Nu Skin Malaysia telah menjemput seramai 12 orang kanak-kanak tajaan dari Yayasan Institut Jantung Negara, ahli-ahli jawatankuasa Dana Jantung Kanak-Kanak Asia Tenggara serta semua Pemimpin Jualan dan keluarga mereka untuk meraikan acara tahunan tersebut dengan menyertai aktiviti-aktiviti di Forest Research Institute Malaysia (FRIM).

Setibanya di sana, kesemuanya tidak sabar untuk menyertai aktiviti Mencari Harta Karun dan Merentas Alam Semulajadi bagi mempelajari lebih banyak tentang Alam Semulajadi. Semua turut terpegun apabila diperkenalkan kepada Pokok Kapur, yang mana pucuknya dikatakan sensitif dan tidak bersentuhan di antara satu sama lain.



Setelah penat mengikuti aktiviti selama 1½ jam, hari yang menggembirakan itu diakhiri dengan acara perkelahan yang sungguh meriah. Keceriaan dan keterujaan jelas terpancar di wajah kanak-kanak yang diraikan, menandakan mereka benar-benar gembira mengikuti aktiviti alam semulajadi bersama para Pemimpin Jualan dan staf-staf Nu Skin yang sentiasa menghiburkan.

Melalui sumbangan 1% oleh Pemimpin Jualan kami, kanak-kanak tersebut telah diberikan peluang kedua untuk menikmati kehidupan sepenuhnya dan merasai kegembiraan yang tidak ternilai. Sekali lagi, senyuman tercipta pada Nu Skin Malaysia Force For Good Day!

SNAPSHOTS

"BE. DUPLICATE. MULTIPLY" STAR WORKSHOP

15 & 16 April 2015
Kuala Lumpur Training Center
& Penang Training Center



LIFE TRANSFORMING OPPORTUNITY SEMINAR

17 Jun 2015
Auditorium, Level 3,
Wisma MCA



NU CELEBRATION

15 & 16 April 2015
Kuala Lumpur Training Center
& Penang Training Center



NU SKIN ageLOC® EXPO 2015

8 & 9 Mei 2015
PNB Darby Park Retail
Lobby Kuala Lumpur





NU SKIN
THE DIFFERENCE DEMONSTRATED®

www.nuskin.com.my